



ANWAR Ibrahim semasa menghadiri Himpunan Perdana Rakyat Keadilan Sabah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah di Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/SURAI DAH ROSLAN

## PM: Jangan tangguh projek di sempadan

**Dari muka 1**  
Perdana Menteri sehubungan itu meminta kerjasama Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan projek pembangunan di sempadan Malaysia-

Indonesia di negeri ini berjalan lancar.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menyatakan, peruntukan RM1 bilion yang disediakan Kerajaan Persekutuan itu bagi

melaksanakan kerja menaik taraf kompleks keluar masuk antara dua negara serta meningkatkan aspek keselamatan di sepanjang sempadan Sarawak dan Sabah dengan Kalimantan.

Menurut Fadillah, pemban-

gunaan infrastruktur di pintu masuk sempadan itu perlu dalam usaha Malaysia menjalin kerjasama lebih erat sekali gus merebut peluang daripada pembangunan Nusantara di Kalimantan, Indonesia.